

TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. DATUK Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM



MAJLIS PERASMIAN IKON TEJA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

اوینیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

18 Mac 2024 (Isnin), Auditorium Canselori, 10.00 pagi.

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Hajah Kalsom binti Noordin

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Negeri
Melaka



Yang Berusaha Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Yang Berusaha Profesor Ir. Dr. Ghazali bin Omar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)


Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-pegawai Kanan UTeM,
Jawatankuasa Sementara Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
Staf, mahasiswa, mahasiswi serta para hadirin yang dihormati
sekalian.

اوپیوڑ سیئی ٹیکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam UTeM Ku Sayang, Menjajar Universiti Melonjak Ke hadapan, Menjulang Visi, Memadani Malaysia.

- 
1. Alhamdullillah, setinggi-tingginya kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah SubbahanaHu Wataala, di atas segala rahmat dan ‘inayahNya juga, pada pagi Isnin yang barakah ini, di bulan mulia Ramadan Al Mubarak, kita dapat bersama-sama berhimpun di Auditorium Canselori bagi Majlis Pelancaran Ikon TEJA Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2. Pertama sekali saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Hajah Kalsom binti Noordin, atau lebih mesra dikenali dengan “Kak Com”, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Negeri Melaka, kerana sudi meluangkan masa hadir bersama-sama kita pada pagi ini.
3. Rasanya masih belum terlambat untuk saya ucapkan Salam Ramadan kepada Kak Com dan semua hadirin sekalian. Pejam celik pejam celik hari ini genap seminggu kita telah berpuasa. Diharapkan Ramadan kali ini kita dapat meningkatkan ibadah, keimanan, ketakwaan dan kebaikan yang lebih baik berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Hadiri sekalian,

4. TEJA bukanlah nama yang asing dalam sejarah Melayu mahupun dalam hikayat Hang TUAH. Srikandi Tun Teja terkenal sebaris dengan nama serikandi Tun Kudu dan Tun Fatimah pada zaman kesultanan Melayu Melaka.
5. Kalau diimbas kembali sejarah Melayu, Tun Teja pernah diberi gelaran RATNA BENGGALA yang bermaksud Intan Permata ~~UNDR~~ Benggala ~~II~~ iaitu ~~M~~ Puteri ~~S~~ kepada ~~K~~ Seri Amar Bangsa DiRaja, Bendahara Pahang pada abad ke-15.

6. Lebih menarik tentang sejarah Tun Teja ini, srikandi ini merupakan seorang pejuang ketika di dalam istana membantu Sultan menegakkan keadilan, kesejahteraan dan keamanan rakyat. Teja seorang kekasih dan isteri yang sangat penyayang dan mencintai, sanggup berkorban apa saja dan seorang yang lemah lembut tetapi tegas dan tekad di dalam setiap keputusan yang dibuat.
7. Serikandi ini sangat mencintai dan taat setia kepada suaminya dan menjadi isteri yang paling disayangi oleh Sultan Mahmud Syah.
8. Kalau nak diceritakan tentang sejarah Tun Teja, memang panjang lebar dan mungkin akan mengambil masa yang

lama untuk dikongsikan. Saudara saudari boleh Google atau buka kembali buku sejarah yang menceritakan tentang kehebatan srikandi Tun Teja ini.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

- 
9. TUN TEJA, merupakan serikandi hebat dan tabah serta cekal menghadapi dugaan malah berjiwa kental!
 10. Maka, atas keistimewaan inilah, UTeM mengambil semangat dan keperibadian unggul TEJA untuk disemaikan dalam diri mahasiswa UTeM.

11. Walau bagaimanapun, mesti ramai yang tertanya, kenapa bukan Tun Fatimah – seorang srikandi yang lebih hebat. Tapi pemilihan TEJA bukanlah kerana sejarah Tun TEJA semata-mata. Ia dipilih atas dasar semangat dan akronim TEJA itu sendiri selari dengan TUAH.
12. Seperti mana yang semua sedia maklum, pada 8 Mac 2019, ikon dan atribut TUAH telah diperkenalkan. TUAH itu sendiri bermaksud Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik, merupakan representasi kepada ciri-ciri juga atribut mahasiswa yang ingin dilahirkan.

13. TEJA merupakan kesinambungan dari pelaksanaan ikon dan atribut TUAH yang membawa maksud yang sama. T bermaksud Tangkas, E bermaksud Elegan, J bermaksud Jagat dan A bermaksud Adaptif.
14. Dengan adanya ikon dan atribut TEJA ia dikhususkan untuk keunggulan peribadi mahasiswa manakala TUAH dikhususkan untuk mahasiswa.
15. Nilai-nilai ini akan diterapkan dalam keseluruhan komuniti mahasiswa dan mahasiswi UTeM, secara langsung berupaya meningkatkan kemenjadian bakat mereka yang


akhirnya mampu melahirkan mahasiswa cemerlang, seimbangan dan holistik.

Hadiri sekalian.



16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni kerana berjaya merealisasikan inisiatif murni ini.


17. Menerusi inisiatif murni ini juga, mahasiswa dan mahasiswi UTeM diharapkan menjadi perhatian yang bitara dari pelbagai pemain industri, kerana kecemerlangan mereka yang luar biasa dan keseimbangan dalam penguasaan ilmu, kemahiran dan keunggulan peribadi.



Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.
أَوْيُونِسِيٰ بِيَسِّيٰ مَلَكَ

TERIMA KASIH

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



اوپیزه سیتی یکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA